

# Pencapaian Wanita sebagai Pembuat Keputusan



**K**operasi membuka peluang keanggotaan yang sama kepada lelaki dan wanita tanpa ada unsur diskriminasi jantina, bangsa, agama dan politik. Secara keseluruhannya, hampir satu bilion lelaki dan wanita di seluruh dunia menjadi anggota koperasi. Darpada jumlah itu, 50 peratus ialah anggota wanita. Negara yang mempunyai keanggotaan paling banyak ialah India 236 juta orang, China 160 juta orang, Amerika Syarikat 156 juta orang dan Jerman 21.6 juta orang.

Sebanyak 100 juta orang lelaki dan wanita bukan anggota koperasi bekerja di sektor koperasi. Koperasi menggajikan 20 peratus pekerja melebihi syarikat multinasional. Koperasi juga memberikan sumbangan yang signifikan kepada ekonomi dunia. Pada peringkat dunia, 300 koperasi yang disenaraikan sebagai koperasi terbesar menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebesar KDNK Sepanyol, iaitu antara 10 ekonomi terbesar di dunia.

Munculnya koperasi sebagai pemacu ekonomi dunia dan penyedia peluang pekerjaan yang besar kerana penyertaan bersama-sama lelaki dan wanita dalam memenuhi keperluan bersama-sama membentuk perniagaan yang dijalankan oleh koperasi. Walaupun lelaki dan wanita memainkan peranan yang cukup besar dalam pembangunan dan kemajuan koperasi, wanita agak terkebelakang dalam membuat dasar dan keputusan berbanding dengan dapatan statistik dunia yang menunjukkan bilangan mereka yang terlibat aktif dalam koperasi sangat besar peratusannya di kebanyakan

negara mengikut wilayah di seluruh dunia. Dalam jenis koperasi tertentu seperti koperasi pengguna dan kredit, wanita merupakan majoriti berbanding dengan lelaki. Misalnya, Japanese Consumer Co-Operative Union (JCCU) anggota wanitanya 90 peratus; National Confederation of Co-Operatives (NATCCO) 60 peratus ahlinya ialah wanita; dan 59 peratus keanggotaan Credit Union League of Thailand (CULT) ialah wanita.

Selain bilangannya yang besar sebagai anggota koperasi, wanita juga pengguna terbesar menguasai pasaran dunia. Wanita seluruh dunia membelanjakan AS\$20 trilion (RM62 trilion) setiap tahun dan dijangka meningkat 40 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang. Pendapatan wanita setahun berjumlah AS\$13 trilion (RM40.3 trilion) dan dijangka meningkat 40 peratus pada tahun 2015. Di Amerika Syarikat, wanita menguasai AS\$4.3 trilion (RM13.3 trilion) daripada AS\$5.9 trilion (RM18.3) perbelanjaan pengguna setiap tahun, iaitu 73 peratus perbelanjaan pengguna dikuasai wanita.

Jadual 1 Peratus anggota wanita dalam koperasi di pelbagai negara.

Negara	Koperasi	Peratus
Armenia	Union of Consumer Societies	43.4
Belarus	Union of Consumer Societies	51
Burkina Faso	Union Regionale des Cooperatives d' Epargne et de Credit du Bam	50.8
Colombia	Casa Nacional de Profesor	63.4
	Asociacion Colombiana de Cooperatives	45
	Cooperative Medical del Valle y de Profesionales de Colombia	50.5
El Salvador	Entidad Promotora de Salud Organisma Cooperativo	60
	Federacion de Asociaciones Cooperativas de Ahorro y Credito	49.5
Mesir	Higher Institute of Co-operative Management Studies	54.6
Ghana	Ghana Co-Operative Council	59.3
Hungry	National Federation of Consumer Co-operatives & Trade Associations	55
Itali	Lega Coop	63
Jepun	Japanese Consumer Co-operative (JCCU)	90
Korea	National Credit Union Federation	49.3
Lithuania	Lithuanian Union of Consumer Co-operative Societies	67.7
Filipina	National Confederation of Co-operatives	62
Poland	National Supervision Union of Spolem Consumer Co-operatives	48.1
	National Association of Co-operative Savings and Credit Unions	51.9
Puerto Rico	Cooperative de Ahorro y Credito de Arecibo	50
Romania	National Union of Consumer Co-operatives	70.7
Sri Lanka	Federation of Thrift and Credit Co-operative Societies	50.1
Sweden	Federation of Swedish Farmers	62.1
Uganda	Uganda Co-operative Union of Alliance	51.5
Slovenia	Co-operative Union of Slovenia	42

Sumber: International Co-operative Alliance (ICA), 2009.

Jadual 2 Peratusan pekerja wanita di koperasi tahun 2009.

Negara	Koperasi	Peratus
Bolivia	Cooperative Jesus Nazareno Ltda (CN)	45.5
Barzil	Coop-Cooperative de Consumo	55.1
Chile	Cooperative del Personal de la Universidad de Chile Ltda (COOPEUCH)	41.9
Colombia	Asociacion Colombiana de Cooperativas (ASCOOP)	53
Itali	Legacoop	65
El-Salavador	Federacion de Asociaciones Cooperativas de Ahorro y Credito de	44.2
	El Salvador de R.L. (FEDECACES)	
Korea	Korean Federation of Community Credit Co-operatives (KFCCC)	52.9
Rusia	Central Union of Consumer Societies of the Russian Federation (Centrosojuz)	70
Paraguay	Confederation Paraguaya de Cooperatives (CONPACOOP)	60
Peru	Cooperativa de Ahorro y Credito "PETROPERU" Ltda.	57.1
Uruguay	Cooperativa Nacional de Ahorro y Credito (COFAC)	44.1

Sumber: International Co-operative Alliance (ICA), 2009.

Di sektor pertanian, pengeluaran makanan dunia dan tenaga buruh di koperasi pertanian juga dikuasai wanita. Kajian yang dijalankan ICA, koperasi pertanian di Kenya, mendapati bahawa 40 peratus pekerjaanya wanita. Buruh wanita dalam pengeluaran makanan meliputi 50 peratus. Di Asia, dari 50 peratus hingga 90 peratus buruh penanaman padi ialah wanita. Pada peringkat dunia, wanita menghasilkan lebih daripada separuh makanan dunia sehingga mereka dikatakan “pemberi makan dunia”.

Di Afrika dan Caribbean, wanita bertanggungjawab mengeluarkan 80 peratus pengeluaran makanan, manakala di negara membangun, kebanyakan pengeluaran, pemprosesan, penyimpanan dan penyediaan makanan dilakukan oleh wanita. Sepanjang proses itu, wanita turut memainkan pelbagai peranan. Mereka bertanggungjawab memperdagangkan barangan makanan. Perutusan wanita yang terlibat dalam menjual makanan juga adalah tinggi; di Nigeria 94 peratus, Thailand 80 peratus dan Filipina 63 peratus. Selain membantu kaum lelaki melakukan kerja di ladang, wanita perlu juga memikul seluruh tanggungjawab untuk kerja rumah tangga, meningkatkan taraf ekonomi keluarga, menjaga keselamatan makanan keluarga, serta mengasuh dan mendidik anak-anak.

Menyadari besarnya sumbangan wanita kepada koperasi, masyarakat, keluarga dan ekonomi dunia serta wanita ialah rakan lelaki dalam gerakan koperasi, usaha menambah bilangan wanita pada peringkat pembuat keputusan dan dalam struktur kepimpinan pada semua peringkat, sama ada nasional, wilayah dan antarabangsa, mesti ditingkatkan.

Dalam keadaan sekarang, wanita lebih berperanan pada peringkat bawahan sebagai anggota dan pekerja. Ada yang memegang jawatan pada peringkat kepimpinan atau pengurusan, tetapi jumlahnya masih kecil. Jika banyak wanita yang terlibat pada

peringkat pembuat keputusan, fokus terhadap keperluan khusus wanita dapat diketengahkan dan diberi keutamaan. Pemimpin lelaki kadangkala tidak mengetahui secara khusus aktiviti yang diperlukan oleh wanita untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup atau membawa ke tengah permasalahan mereka.

Sementara itu, pemimpin wanita dapat mempengaruhi koperasi untuk menggunakan sumber yang akan membantu membetulkan kesamaan dan ketaksamaan jantina, bukan sahaja dalam koperasi, tetapi juga dalam masyarakat. Hanya wanita yang memahami keperluan wanita dan berjuang untuk wanita. Selain itu, pemimpin wanita juga akan membawa bentuk kepimpinan yang berbeza dalam koperasi.

Berdasarkan penerimaan gerakan koperasi terhadap “kesamaan jantina dalam kerjasama” semasa Sidang Kemuncak Wanitaempat di Beijing serta perakuan Pertubuhan Buruh Antarabangsa melalui Rekomendasi 193 Penggalakan Koperasi, hal ini turut dibincangkan. Secara eksplisit disarankan agar pertimbangan khusus diberikan bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam gerakan koperasi pada semua peringkat, terutama pada peringkat pengurusan dan kepimpinan. Dasar Kebangsaan juga memajukan persamaan gender

dalam koperasi dan aspek yang berkaitan dengan pekerjaan mereka.

Bagi menyahut seruan itu, ICA mula mengadaptasikan resolusi “Kesamaan Gender dalam Koperasi”. Perkara ini diletakkan sebagai keutamaan pada peringkat global dan meminta ahlinya di seluruh dunia mewujudkan pelan tindakan. Pada tahun 1997, Lembaga Pengarah ICA menilai semula pelaksanaan kesamaan gender. Perhimpunan Agung ICA pada tahun tersebut meluluskan penambahan penggalakan kesamaan pada peringkat pembuat keputusan dan aktiviti dalam gerakan koperasi dengan objektif untuk memberikan peluang yang sama kepada lelaki dan wanita yang berkelayakan serta terlibat dalam pembuat keputusan pada peringkat ICA. Pada tahun 1999, Strategi Gender ICA dilaksanakan.

Dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan, penglibatan wanita pada peringkat pembuat keputusan telah menampakkan peningkatan, walaupun bilangannya masih kecil. Pencapaian paling cemerlang dan detik bersejarah pada tahun 2009, apabila Dame Pauline Green menjadi wanita pertama dilantik sebagai Presiden ICA dalam tempoh 115 tahun penubuhan ICA sejak diasaskan pada tahun 1895. ICA merupakan badan puncak koperasi tertinggi pada peringkat dunia yang menaungi 249 buah koperasi dari 92 buah negara. Pelantikan ini telah memecah tradisi

Jadual 3 Koperasi simpanan dan kredit (SACCOs) data mengikut jantina bagi tahun 2009.

Bilangan	Perkara	Peratusan Wanita
1.	Keahlian	34
2.	Sumbangan modal syer	31
3.	Simpanan	40
4.	Bilangan akaun simpanan	35
5.	Portfolio pinjaman utama	29
6.	Jumlah peminjam	32
7.	Jumlah pekerja wanita dalam projek SACCOs	44

Sumber: Laporan Tahunan SACCOs, 2009.

**Jadual 4** Peratusan wakil wanita sebagai anggota lembaga koperasi dan pengurusan.

Peringkat Nasional	Peratus
Centrosyoz (Rusia)	50
Japanese Consumer Co-operative (Jepun)	6
Co-operative Wholesale Society (United Kingdom)	13
The Union of Agricultural Co-operatives (Norway)	14
Co-op Elanto (Finland)	43
Tradeka Corporation (Finland)	14
SOK Corporation (Finland)	17
Regional S Co-operatives (Finland)	9
The Folksam General Insurance (Sweden)	33
The Folksam Life Insurance (Sweden)	31
The Belorussian Republic Union	26
<b>Peringkat Wilayah/Tempatan</b>	
Belorussian Republican Union of Consumer Society	28 – 61
Japanese Consumer Co-operative	66 – 94
Latvian Central Co-operation Union	28
Union of Agricultural Co-operatives	8 – 21
Centrosyoz	59
General Union of Consumer Societies (Ukraine)	44 – 55

Sumber: ICA, 2009.

dan mencetuskan arus perdana gender dalam gerakan koperasi di seluruh dunia. Pada peringkat Lembaga Pengarah ICA, daripada 15 orang yang dilantik, tiga ialah wanita. Penyeretaan wanita dalam Perhimpunan Agung ICA ialah sebanyak 17 peratus.

Di Nepal, 15 peratus wanita terlibat dalam pengurusan koperasi. Di negara itu, terdapat 1.25 juta anggota koperasi dengan 67 peratus ialah lelaki dan 33 peratus ialah wanita, manakala 15 ribu orang bekerja di sektor itu. Di Tanzania keanggotaan wanita dalam SACCOs (Saving and Credit Cooperatives) meningkat daripada 85 944 orang pada tahun 2005 kepada 271 733 orang pada tahun 2009. Wanita yang memegang jawatan penting dalam jawatankuasa induk dan jawatankuasa kecil SACCOs meningkat 40 peratus; 44 peratus wanita mendapat pekerjaan hasil daripada projek yang dijalankan oleh SACCOs. Di Afrika keanggotaan wanita terkini dalam koperasi Wamunyua Fes Ltd 26 peratus dan Masii Ltd Jont Milk Marketing Initiative 47 peratus.

Dalam koperasi tenusu India, 16 peratus keanggotaannya ialah wanita, tetapi Lembaga Pembangunan Tenusu Kebangsaan India menganggarkan lebih 95 peratus pengeluaran susu dilakukan oleh wanita. Wanita memainkan peranan yang sangat besar dalam pengeluaran susu negara itu, yang juga terbesar di Asia dengan mengeluarkan 4.5 juta tan susu setiap tahun serta memberikan pendapatan 40 bilion Rupee kepada pengeluar. Menyedari suara mereka kurang didengari dalam koperasi itu, wanita kemudiannya menubuhkan koperasi wanita. Sekarang, jumlah koperasi wanita di India ialah 2476. Lazimnya, wanita hanya menjadi pemimpin dalam koperasi yang keseluruhannya anggota wanita. Di Malaysia sahaja, koperasi wanita berjumlah 150 buah.

Fakta menunjukkan keanggotaan wanita dalam kesatuan kredit di Amerika Syarikat ialah 70 peratus. Peratusan pekerja wanita juga meningkat di institusi ini. Lebih

daripada satu per tiga ketua pegawai eksekutif kesatuan kredit seluruh dunia ialah wanita; kebanyakannya menjadi pengarah di kesatuan kredit yang bersaiz kecil dengan aset melebihi satu bilion.

Antara kesatuan yang diterajui wanita termasuklah Kesatuan Kredit First Future, yang mempunyai modal saham melebihi AS\$900 juta dan 63 ribu anggota. Kepimpinan wanita lebih baik dalam kesatuan kredit berbanding dengan syarikat korporat kerana kecenderungan yang lebih besar dalam kenaikan pangkat. Dalam Kesatuan Kredit North Island yang memiliki modal saham berjumlah AS\$1.5 bilion, 30 peratus eksekutif kanan ialah wanita, manakala ketua jabatan dan pengurus kewangan, 40 peratus.

Dapat dilihat bahawa banyak wanita berbanding dengan lelaki yang bekerja di koperasi, tetapi lebih banyak lelaki berkhidmat sebagai pemimpin. Di seluruh dunia, wanita yang dilatih sebagai Anggota Lembaga Koperasi (ALK) masih rendah; paling rendah pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Apabila wanita berada dalam kelompok ALK, mereka biasanya tidak dilantik sebagai pengerusi, tetapi dilantik sebagai setiausaha dan bendahari.

Wanita agak terbelakang dalam membuat keputusan, khususnya paling ketara di Afrika dan negara membangun kerana kepimpinannya didominasi oleh lelaki. Antara punca utama termasuklah kekurangan pendidikan dan kesibukan menguruskan rumah tangga dalam kalangan wanita. Pengalaman langsung dan kajian dunia mendapati produktiviti ekonomi sesebuah negara mampu melonjak dengan cara memberi wanita pendidikan, kerja, peluang, dan terlibat dalam proses membuat keputusan. Apabila seseorang itu memberikan pendidikan kepada seorang wanita, bermakna dia memberikan pendidikan kepada seluruh keluarga. ■